

Penduduk risau longkang pecah belum dibaiki

AMPANG 24 Dis. - Penduduk sekitar Taman Putra di sini semakin risau apabila tebing longkang besar di Jalan Teratai 1/9D yang pecah sejak Julai lalu masih belum dibaiki sehingga hari ini.


Penduduk mendakwa, keadaan bertambah teruk apabila serpihan 10 buah longkang konkrit yang rosak dan 'hanyut' ke bahagian tengah saluran itu turut menyebabkan sampah sarap terperangkap.

Seorang penduduk, **Mohd. Amin Shafeie**, 60, berkata, dia yang tinggal paling hampir dengan kawasan longkang yang pecah itu risau sekiranya berlaku kejadian yang tidak diingini selepas ini.

"Saya sudah membuat aduan kepada Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) beberapa bulan lalu sebaik mendapati struktur tebing longkang itu tidak kuat dan menunjukkan tanda-tanda mahu roboh.

"Tetapi MPAJ menjawab longkang itu diluar bidang kuasa mereka dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Hulu Langat yang bertanggungjawab dengan masalah tersebut," katanya di sini hari ini.

Tambahnya, penyenggaraan longkang tersebut juga dilihat tidak



MOHD. Amin Shafeie menunjukkan tebing longkang konkrit yang pecah dan dihanyutkan oleh air deras bersebelahan dengan rumahnya di Taman Putra, Ampang, Selangor semalam dan dikhawatiri boleh memerangkap sampah dan menyebabkan banjir.

- UTUSAN/NOORADZRENE MOHD. NOOR

dilakukan dengan sempurna apabila kawasan tebingnya dipenuhi semak-samun sehingga menjadi

tempat pembiakan haiwan liar berbisa seperti ular.

Sementara itu, Ketua Biro Aduan

Dewan Undangan Negeri (DUN) Teratai, Ben Liew Pok Boon berkata, setiap kali hujan lebat, longkang

yang berdekatan dengan sebuah dewan orang ramai itu akan dipenuhi air.

"Apabila air naik, keadaan tebing menjadi tidak stabil dan penduduk bertambah risau kerana ada beberapa buah longkang lagi akan menghadapi perkara yang sama sekiranya tidak diambil tindakan segera," katanya.

Katanya, sama ada MPSJ atau JPS yang bertanggungjawab, satu penyelesaian segera perlu dicari untuk mengelak kejadian bertamabah teruk.

Dalam pada itu, Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Putra, **David Kow** berkata, 40

buah keluarga yang tinggal berdekatan tidak berpuas hati dengan masalah itu kerana langsung tidak mendapat perhatian daripada wakil rakyat.

"Sudahlah longkang tidak dijaga dengan sempurna, wakil rakyat di sini pun macam tidak mahu membantu masalah yang kami hadapi ini," katanya.



DAVID KOW